

Penyertaan dalam aktiviti kesukarelawanan bukan hanya dapat menyumbang kepada peningkatan kendiri personaliti mahasiswa tetapi juga mengasah kemahiran yang bakal digunakan apabila memasuki pasaran kerjaya nanti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata mahasiswa perlu menyedari kepentingan aspek itu kerana majikan turut mengambil kira pencapaian aktiviti kokurikulum dalam pengambilan seseorang graduan untuk bekerja di syarikat mereka.

Dalam konteks ini, beliau berkata, kebanyakan majikan lebih cenderung untuk memilih graduan yang memiliki kemahiran insaniah tinggi yang dapat membantu kelancaran operasi syarikat.

#### Kursus kokurikulum berkredit

"Biarpun aspek kesu-

# Kesukarelawanan melahirkan graduan seimbang

karelawan tidak terkandung secara khusus dalam kursus kemahiran insaniah yang diketengahkan di universiti, institusi pengajian tinggi (IPT) tetapi memberi pendedahan berkenaan melalui kursus kokurikulum berkredit membabitkan program bakti siswa atau khidmat masyarakat.

"Ini menjadi elemen penting ke arah memastikan IPT dapat menghasilkan graduan seimbang walaupun memang wujud segelintir mahasiswa yang kurang berminat menyertai aktiviti kesukarelawanan kerana tidak dapat menggambarkan manfaatnya pada masa depan.

"Dalam hal ini, penyayarah atau sesiapa yang menganjurkan aktiviti kesukarelawanan perlu memainkan peranan mem-

“DI UPM, KAMI MENGGALAKKAN MAHASISWA UNTUK BERKECIMPUNG DALAM AKTIVITI KESUKARELAWANAN”

**Prof Dr  
Mohammad Shatar  
Sabran**

Timbalan Naib  
Canselor (Hal Ehwal  
Pelajar dan Alumni),  
UPM

beri justifikasi mengenai objektif serta nilai tambah yang boleh dicapai peserta sebelum program dijalankan," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.



#### Pendedahan di luar negara

Mengulas lanjut, Prof Mohammad Shatar berkata, lazimnya kursus kokurikulum berkredit

hanya memperuntukkan satu jam kredit tetapi mahasiswa masih boleh menyertai aktiviti kesukarelawanan menerusi program anjuran kolej kediaman, fakulti maupun persatuan.

"Di UPM, kami menggalakkan mahasiswa untuk berkecimpung dalam aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja di Malaysia, malah di luar negara, agar selain dapat mempelajari konsep sukarelawan, mereka juga mendapat pendedahan mengenai kehidupan masyarakat asing.

"Ketika Thailand dilanda banjir sebelum ini, mahasiswa UPM menghantar sumbangan kira-kira 300 tan makanan. Melalui inisiatif itu, mereka dapat menyaksikan kesusahan yang dialami mangsa banjir di sana," katanya.